

# Selesaikan isu graduan terpaksa jadi kerani

**SAUDARA PENGARANG.**

PADA 17 Ogos lalu, Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh telah mendedahkan sebanyak 54,103 graduan institusi pengajian tinggi (IPT) di negara ini masih menganggur dalam tempoh enam bulan selepas menamatkan pengajian berdasarkan Sistem Kajian Pengesanan Graduan pada 2016.

Lima bidang pengajian yang merekodkan bilangan graduan menganggur tertinggi pada tahun lepas adalah pentadbiran perniagaan dan perdagangan, sains gunaan, pengurusan sumber manusia, perakaunan serta sastera dan sains sosial.

Bagi mengatasi masalah berkenaan, katanya, kementerian itu telah mengambil pelbagai langkah termasuk mengadakan latihan industri lebih panjang bagi memastikan graduan di IPT sentiasa kompetitif untuk bersaing dalam memenuhi kehendak pasaran.

Sebenarnya, isu pengangguran dalam kalangan graduan berkait rapat dengan prestasi ekonomi semasa. Dalam keadaan pertumbuhan ekonomi perlahan, kadar pengangguran dijangka lebih tinggi terutamanya bagi graduan program sains sosial dan sastera.

Untuk rekod, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada 2016 adalah sebanyak 4.2 peratus dan kadar itu lebih rendah berbanding lima peratus pada 2015.



Kementerian pastikan lulusan IPT sentiasa kompetitif  
**54,103 graduan masih menganggur**

Oleh SAFINA RAMLI

utusan@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 17 OGOS

**S**EBANYAK 54,103 graduan institusi pengajian tinggi (IPT) negara ini masih menganggur dalam tempoh enam bulan selepas menamatkan pengajian berdasarkan Sistem Kajian Pengesanan Graduan pada 2016.

tasi masalah ini, kementerian telah mengambil langkah bagi memastikan graduan di IPT sentiasa kompetitif untuk bersaing dalam memenuhi kehendak pasaran.

"Kementerian telah melaksanakan Sistem Perangkaan Pengesanan Graduan (SPG) pada 2016. Kini, kader pengangguran di IPT sentiasa kompetitif untuk bersaing dalam kalangan graduan."



IDRIS JUSOH

Fakulti

pembelajaran dan teknologi

dalam IPT, soal

Chia

dang

inf

Dal

berk

yan

ver

Mal

siti

da

di

ber

**KERATAN Utusan Malaysia**  
18 Ogos 2017.

Bagaimanapun, kadar pengangguran bukanlah petunjuk sempurna bagi mengukur satu lagi isu yang membenggu graduan iaitu terpaksa bekerja dalam sektor yang tidak memerlukan kelulusan diploma dan ijazah.

Maklumat daripada bancian Penyiasatan Tenaga Buruh 2014 oleh Jabatan Perangkaan menunjukkan sebanyak 24 peratus daripada buruh kategori pekerjaan perkeranian dan sokongan mempunyai diploma dan ijazah. Sebanyak 13 peratus daripada mereka adalah

ISU pengangguran dalam kalangan graduan berkait rapat dengan prestasi ekonomi semasa. - GAMBAR HIASAN/UTUSAN

golongan belia berumur antara 20 hingga 29 tahun.

Strategi dan usaha untuk mengurangkan kadar ketidakpadanan pekerjaan dalam kalangan graduan perlu ditangani secara serius kerana perkara itu berkait rapat dengan isu sosioekonomi.

Ini kerana pertumbuhan ekonomi tidak menjamin kepada pengurangan ketidakpadanan pekerjaan. Misalnya, antara 2011 hingga 2014, pertumbuhan KDNK Malaysia adalah pada kadar purata 5.4 peratus setahun iaitu lebih tinggi berbanding 2016.

Bagaimanapun, buruh yang mempunyai diploma dan ijazah bagi kategori perkeranian dan sokongan telah meningkat sebanyak empat peratus daripada 20 peratus pada 2011

kepada 24 peratus pada 2014.

Ketidakpadanan pekerjaan bermakna gaji dan upah diterima adalah lebih rendah walaupun mereka mempunyai kelayakan akademik lebih tinggi.

Seterusnya, faktor gaji dan upah yang rendah akibat ketidakpadanan ini secara tidak langsung turut menjadi faktor penyumbang kepada bebanan kos sara hidup akibat daripada peningkatan perbelanjaan.

Faktor gaji dan upah juga menjadi antara penyebab kepada ketidakpatuhan pembayaran balik pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).

**DR. MOHD. YUSOF SAARI**  
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan,  
Universiti Putra Malaysia (UPM)